

# Pertikai letak pegawai kanan kerajaan dalam ‘peti sejuk’

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim digesa menjelaskan dakwaan bahawa Kerajaan Perpaduan meletakkan sejumlah pegawai kanan kerajaan dalam ‘peti sejuk’ meskipun ada dalam kalangan mereka itu memamerkan prestasi yang membe-rangsangkan.

Datuk Dr Radzi Jidin (PN-Putrajaya) berkata, tindakan itu tidak wajar dilaksanakan kerana semua penjawat awam menjalankan tugas secara profesional tanpa mengira parti politik yang mentadbir atau siapa yang menjadi Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau menggesa Anwar mendedahkan jumlah pegawai kanan kerajaan yang di-

tempatkan di jawatan kumpulan (*pool*) dan senarai pegawai kanan dengan gred Jusa B ke atas yang terbabit dalam pertukaran kementerian sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih pemerintahan negara.

“Tindakan kerajaan meletakkan beberapa pegawai tertinggi perkhidmatan awam ke dalam ‘peti sejuk’ adalah tindakan yang amat tidak wajar.

“Ada ketua setiausaha (KSU) kanan yang terbukti menjalankan tugas dengan cemerlang diletakkan di kementerian yang jauh lebih kecil, dengan jawatan yang tidak setara.

“Saya amat bersimpati dengan apa yang berlaku kepada mere-

ka. Apa salah mereka? Jika tiada kesalahan yang dibuktikan, mengapa hukuman dijatuhkan lebih awal?” katanya ketika membahaskan usul Titah Diraja di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, bekas Menteri Kanan Pendidikan itu juga menyifatkan tindakan menempatkan pegawai kanan kerajaan ke ‘pool’ juga tidak adil, kerana menggambarkan seolah-olah mereka melakukan kesalahan besar.

Tegasnya, pentadbiran Kerajaan Perpaduan sepatutnya memberi kepercayaan kepada anggota perkhidmatan awam kerana ia adalah elemen penting dalam memastikan penyampaian khidmat yang terbaik kepada rakyat.

“Tindakan ini satu kerugian kepada negara kerana khidmat dan kepakaran mereka tidak dapat digunakan secara optimum.

“Ia juga tidak adil kerana memberi gambaran negatif seolah-olah mereka telah melakukan satu kesalahan besar atau prestasi mereka amat teruk,” katanya.

Dalam pada itu, Radzi turut menyindir beberapa pimpinan Pakatan Harapan (PH) yang didakwa membisu apabila Anwar memilih untuk turut memegang jawatan Menteri Kewangan, sedangkan gabungan itu paling lantang menentang seorang Perdana Menteri memegang port-

folio berkenaan.

“Antara yang lantang menyuarakan perkara ini adalah Yang Berhormat Pandan (Rafizi Ramli), Segambut (Hannah Yeoh), Kota Raja (Datuk Seri Mohamed Sabu) tetapi amat menyedihkan apabila Yang Amat Berhormat Tambun selaku Perdana Menteri turut memegang jawatan Menteri Kewangan, sahabat semua senyap menikus,” katanya.

Dalam pada itu, Radzi yang juga Naib Presiden BERSATU menggesa Anwar menarik balik kenyataannya ketika mempertahankan pelantikan anaknya, Nurul Izzah sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan kepada Perdana Menteri.